

Rakyat kita disahkan selamat

Operasi pindah berjalan lancar, kedutaan segera hantar bantuan

Oleh Norfatimah Ahmad,
Syuhada Choo Abdullah, Hardi
Effendi Yaacob dan Nor Fazlina
Abdul Rahim

bhnews@bharian.com.my

B/H 12/4/12 MS 10

● LIM POH CHIN | BERITA HARIAN

KUALA LUMPUR: Semua 1,774 warga Malaysia termasuk 1,660 pelajar yang sedang mengikuti pengajian di Sumatera, Indonesia dilaporkan selamat walaupun berlaku gempa bumi berukuran 8.7 pada skala Richter kira-kira 500 kilometer dari kepulauan itu petang semalam.


Konsul Muda Malaysia di Medan, Nor Azhar Hajis, berkata hampir semua rakyat Malaysia sudah dipindahkan ke tempat selamat seperti ditetapkan dalam prosedur operasi standard (SOP) yang dikeluarkan pihak kedutaan dalam menghadapi bencana, terutama gempa bumi dan tsunami.

"SOP kita masih diaktifkan berikutan amaran gempa susulan dan tsunami dikeluarkan pihak berkuasa Indonesia, malah operasi pemindahan berjalan lancar dengan bantuan Persatuan Kebangsaan Pelajar Malaysia di Indonesia (PKPMI) di dua wilayah iaitu Aceh dan Padang.

"Berdasarkan laporan, keadaan di sana agak teruk, malah sistem komunikasi dan perhubungan dikatakan terjejas.

"Pihak kedutaan akan berusaha secepat mungkin menghulurkan bantuan kepada warga kita sebaik keadaan beransur pulih," katanya ketika dihubungi *Berita Harian*, semalam.

Katanya, walaupun tiada kemalangan jiwa atau kecederaan dilap-



PENDUDUK melihat laut di Kuala Muda surut selepas gempa di Aceh, semalam.



Gempa Aceh

porkan, ada warga Malaysia dilaporkan trauma dengan kejadian itu kerana kesan gempa bumi berkenaan yang berpusat di kawasan perairan Aceh dapat dirasakan hingga ke pejabat Konsulat Jeneral Ma-

laysia di Medan.

"Tempoh 24 jam akan datang disifatkan amat kritikal, terutama di Aceh dan kawasan sekitarnya berikutan amaran gempa susulan yang dikhuatiri menyebabkan tsunami. Difahamkan, semua pelajar dan warga kita di Aceh sudah dipindahkan ke tempat tinggi sebagai persediaan menghadapi sebarang kemungkinan," katanya.

Di **JAKARTA**, Setiausaha Pertama (Pendidikan) Kedutaan Besar Malaysia, Ludinata Misnun berkata, bantuan segera akan disalurkan kepada pelajar terbabit sebaik keadaan beransur pulih.

"Bilik gerakan itu boleh dihubungi di +62614531342, +62614535271 atau +62614523992. Ibu bapa dan ke-

luarga pelajar di tanah air diminta bertenang kerana keadaan terkawal, malah mereka boleh menghubungi bilik gerakan kita untuk mendapatkan perkembangan terkini," katanya.

Di **PEKAN BARU**, Konsul Jeneral Malaysia, Zamani Ismail, ketika dihubungi mengesahkan semua 76 pelajar Malaysia yang sedang melanjutkan pengajian di Universiti Islam Negeri Syarif Kassim, Riau, selamat.

Sementara itu, Timbalan Menteri Luar, Senator A Kohilan Pillay berkata, pihaknya sedang membuat persediaan dan tidak menolak kemungkinan akan membawa pulang pelajar Malaysia di Aceh sekiranya keadaan menjadi semakin buruk.